

# KENYATAAN MEDIA

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

HASiL/2025/01/21 - 08

### FORMAT BAHARU RESIT RASMI BAGI TERIMAAN BAYARAN CUKAI SECARA MANUAL

Susulan pindaan Pekeliling Perbendaharaan (PP) PS 4.1: Garis Panduan Permohonan Borang Kewangan Kerajaan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada Oktober 2024, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa HASiL akan mengeluarkan Resit Rasmi dengan format baharu sebagai bukti terimaan bayaran cukai yang dibuat secara manual di kaunter Pusat Pengurusan Terimaan Hasil Kuala Lumpur (PPTHKL) mulai **20 Januari 2025**.

Selaras dengan penggunaan e-Perkhidmatan secara mandatori bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang telah disediakan oleh HASiL secara dalam talian mulai **1 Januari 2024**, jenis bayaran cukai secara manual yang diterima di PPTHKL kini terhad seperti yang berikut:

- a) Bayaran kompaun; dan
- b) Cukai pendapatan (menggunakan kad debit / kad kredit yang dikeluarkan di Malaysia)

Oleh itu, PPTHKL akan mengeluarkan Resit Rasmi Asal dan Salinan dalam format baharu kepada pembayar cukai bagi kedua-dua jenis terimaan bayaran di atas.

Ms | 1

Bagi bayaran selain daripada yang tersenarai di atas, salinan Resit Rasmi juga boleh diperoleh menerusi kaedah-kaedah berikut:

- i) Portal MyTax melalui 'Perkhidmatan ezHasil' > ByrHASiL;
- ii) Portal perbankan internet bank komersial yang dilantik sebagai ejen kutipan HASiL;
- iii) Kaunter Pos Malaysia dan bank komersial yang dilantik sebagai ejen kutipan HASiL;
- iv) Mesin deposit tunai bank yang dilantik sebagai ejen kutipan HASiL; dan
- v) Mesin juruwang automatik (ATM) bank yang dilantik sebagai ejen kutipan HASiL

Pembayar cukai boleh mendapatkan maklumat lanjut berkenaan format Resit Baharu menerusi menu **Panduan Pengguna > FAQ Format Baharu Resit Rasmi LHDNM** yang telah dimuat naik pada portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my/>.

Sebagai maklumat tambahan, pada masa ini salinan Resit Rasmi bagi bayaran Cukai Pendapatan dan Cukai Keuntungan Harta Tanah boleh didapati di bawah paparan e-Lejar, manakala salinan Resit Rasmi bagi Potongan Cukai Bulanan dan Cukai Pegangan pula boleh diperolehi di bawah paparan Penyata Bayaran.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

RISE **BEYOND** LIMITS

---

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Khidmat Korporat  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 21 Januari 2025**